

**KAPITAL SOSIAL DAN PEMERKASAAN  
KOMUNITI NELAYAN MISKIN  
DI KABUPATEN INDRAMAYU INDONESIA**

Oleh  
**ARIBOWO**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah  
Bidang Kerja Sosial**

**Jun 2013**

# PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Jun 2013

ARIBOWO

P-SD0015/08(R)

## PENGHARGAAN

Puji syukur saya sampaikan kepada Allah SWT yang telah memberikan limpahan rahmat dan karunianya, sehingga akhirnya saya dapat menyelesaikan tesis ini. Pada kesempatan ini saya juga menyampaikan terima kasih yang tidak terhingga kepada orang-orang yang telah memberikan sokongan yang begitu besar. Tanpa sokongan ini, tidak mungkin tesis ini akan terselesaikan dengan baik. Terima kasih saya sampaikan kepada:

1. Profesor Madya Dr. Zulkarnain A. Hatta dan Profesor Dr. Ismail Baba sebagai penyelia di atas bimbingannya, unjuk ajar, kerjasama, sokongan, serta kesabaran yang diberikan sepanjang tempoh pengajian saya menyelesaikan tesis ini.
2. Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk menjalankan pengajian tesis ini.
3. Dr. Marjuki, M.Sc., Kepala Badan Pendidikan dan Penelitian Kesejahteraan Sosial Kementerian Republik Indonesia yang telah memberikan sokongan dan kesempatan kepada saya untuk mengikuti pendidikan ini.
4. Drs. Wawan Heryana, M.Pd, Ketua Sekolah Tinggi Kesejahteraan Sosial Bandung periode 2008 – 2011 yang dengan penuh kesabaran memberikan semangat, dan Dr. Kanya Ekasanti, M.S.W., Ketua STKS periode 2011 – 2014 yang memberikan sokongan yang tak dapat dinilai dengan materi.
5. Dra. Lina Favourita S., M.Si, istriku tercinta yang memberikan sokongan sepenuh jiwa dan raga serta dengan kesabarannya maupun pengorbanan yang begitu besar, dia telah sangat membantu menghilangkan tekanan sosial psikologis selama penyusunan tesis ini dan membuat saya merasa nyaman sehingga mampu

mengerjakan tesis dengan baik. Begitu pula dengan Anakku N. Satrio Aji yang telah membuat saya berbahagia. Ibu Hatimah Setiasih, mertua yang selalu berdoa untuk keberhasilan saya.

6. Badrun Susantyo, Ph.D, sahabat saya yang selalu memberikan sokongan yang bersifat unik, yang selalu mencela dan mengkritik seluruh pemikiran saya. Dengan kritikan inilah saya mencari inspirasi dan sintesis teoritik kajian secara lebih mantap. Berkat sokongan unik dari dialah saya bangkit untuk menyelesaikan studi saya.
7. Drs. Bambang Sugeng, M.P., Ketua Jurusan Pengembangan Sosial Masyarakat STKS Bandung beserta seluruh staf dan semua kawan baik di STKS Bandung.
8. Semua teman, sahabat, serta saudara yang telah memberikan dukungan tak langsung bagi penyelesaian studi saya di USM.

Semoga semua kebaikan serta kontribusi mereka mendapat balasan rahmat serta karunia Allah S.W.T. Amin.

Pulau Pinang, Jun 2013

ARIBOWO

## JADUAL KANDUNGAN

### MUKA SURAT

HALAMAN TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
<b>BAB I. PENDAHULUAN</b>	1
Pengenalan	1
Latar Belakang Penyelidikan	1
Kedudukan Kapital Sosial Dalam Membasmi Kemiskinan	8
Kerja Sosial dan Pengembangan Masyarakat	11
Pernyataan Masalah Penyelidikan	15
Persoalan Penyelidikan	19
Objektif Penyelidikan	18
Kepentingan Penyelidikan	20
Struktur Penulisan	23
<b>BAB II. SOROTAN LITERATUR</b>	26
Pengenalan	26
Kaitan Kapital Sosial Dengan Pengembangan Masyarakat	32

Situasi yang Menyebabkan Kapital Sosial Boleh Merosakan	35
Kapital Sosial dan Kerja Sosial	39
Kekhususan Kajian Mengenai Kapital Sosial	40
Kapital Sosial dalam Praktis Pemerksaan Komuniti Dan Pengembangan Sosial Ekonomi	43
Kaitan Kapital Sosial dengan Komponen Pengembangan Sosial Ekonomi	51
Kapital Sosial dalam Strategi Pembasmian Kemiskinan	55
Pertumbuhan dan Pengembangan Kapital Sosial	61
<b>BAB III. KERANGKA TEORITIKAL</b>	66
Pengenalan	66
Pentingnya Kapital Sosial	67
Definisi Konsep	70
Kapial Sosial: Suatu Pencarian Definisi Integratif	81
Pemerksaan dalam Kerja Sosial	85
Pengukuran Pemerksaan Masyarakat	91
Kesan positif Kapital Sosial	102
Kesan Negatif Kapital Sosial	105
<b>BAB IV. METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	110
Pengenalan	110
Reka Bentuk Penyelidikan	110
Persampelan dan Sumber Data	113
Teknik Pengumpulan Data	116

Instrumen Kajian	121
Teknik Analisis Data	126
Pemeriksaan Kesahihan Data	127
Etika Kajian	128
<b>BAB V. PENEMUAN PENYELIDIKAN</b>	131
Pengenalan	131
Profil Kehidupan Sosial Perkampungan Nelayan Miskin di Kabupaten Indramayu	132
Kapital Sosial yg Terbentuk dalam Hubungan Sosial Komuniti Nelayan	147
Kapital Sosial dalam Memperkasakan Sosial Ekonomi Komuniti dalam Menghadapi Kemiskinannya	168
Kapital Sosial dalam Memunculkan Prasangka yang Mudah Menimbulkan Konflik	183
<b>BAB VI. KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	224
Pengenalan	224
Profil Kehidupan Sosial Perkampungan Nelayan Miskin Di Kabupaten Indramayu	225
Kapital Sosial yg Terbentuk dalam Hubungan Sosial Komuniti Nelayan	229
Kapital Sosial dalam Memperkasakan Sosial Ekonomi Komuniti dalam Menghadapi Kemiskinannya	237
Kapital Sosial dalam Memunculkan Prasangka yang Mudah	

Menimbulkan Konflik	265
Relevansi Teoritikal	270
Rekomendasi : Cadangan Model Pengurangan Kemiskinan	277
Multilajur	
Limitasi Kajian	296
Hala Tuju Kajian	297
Kesimpulan	298
RUJUKAN	302



## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.	Tahap intervensi dalam Memperkembangkan Kapital Sosial Komuniti Tempatan	64
2.	Definisi mengenai Kapital Sosial	78
3.	Dimensi 1. Kumpulan dan Rangkaian Hubungan Sosial	115
4.	Dimensi 2. Rasa Saling Percaya dan Solidariti	116
5.	Dimensi 3. Kerjasama Antara Warga	117
6.	Ikhtisar Penemuan Kajian dalam Dimensi Satu.	188
7.	Ikhtisar Penemuan Kajian dalam Dimensi dua	199
8.	Ikhtisar Penemuan kajian dalam Dimensi Tiga	208
9.	Tema Penemuan Kajian	214
10.	Perspektif Teoritik dan Paradigma Teori Pekerjaan Sosial yang Menjadi Landasan Praktis Pekerjaan Sosial	267

## SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.	Peran pekerja sosial dalam pembangunan komuniti	21
2.	Sifat-sifat dasar dalam pembangunan komuniti	22
3.	Quadrat kapital sosial	83
4.	Posisi kapital sosial dalam intervensi kerja sosial	90
5.	Kerangka teoritikal kajian	95
6.	Kesan kapital sosial pada keberkasaan sosial serta penanggulangan kemiskinan	102
7.	Kesan negatif kapital sosial dalam menimbulkan konflik antara kumpulan	106
8.	Hubungan antara nelayan dengan institusi lokal	169
9.	Interaksi sistem institusi dan sumber daya	170
10.	Aktiviti yang dilakukan melalui media bonding d	239
11.	Kitaran kemiskinan	253
12.	Keterkaitan antara aspek kapital sosial dengan manfaat nyata bagi individu mahupun kumpulan	254
13.	Keterkaitan antara kapital sosial dan aktiviti sosial dalam kehidupan masyarakat	257
14.	Strategi multi lajur pengurangan kemiskinan nelayan	276



**KAPITAL SOSIAL DAN PEMERKASAAN  
KOMUNITI NELAYAN MISKIN DI KABUPATEN INDRAMAYU  
INDONESIA**

**ABSTRAK**

Komuniti tradisional yang mempunyai jalinan sosial yang kukuh mempunyai kuasa untuk menubuhkan kerjasama sosial dalam memajukan masyarakat mereka sendiri, termasuk kemajuan ekonomi tempatan. Masyarakat desa (luar bandar) berdasarkan ciri-ciri khusus, jika dianalisis menggunakan teori rangkaian sosial yang dibangunkan oleh Putnam, boleh difahami sebagai kapital sosial - perpaduan nilai-nilai informal dan norma-norma yang berdasarkan pada kepercayaan, kerjasama dan sebuah siri daripada rangkaian sosial. Kapital sosial sangat berguna untuk sesebuah masyarakat dalam menangani masalah sosial atau dalam usaha memenuhi keperluan mereka. Kajian ini memiliki objektif untuk menerangkan, dan menganalisis: i) profil masyarakat nelayan miskin, ii) kapital sosial yang berasaskan hubungan sosial antara warga komuniti, iii) kapital sosial yang berasaskan hubungan sosial antara warga komuniti yang mempunyai potensi untuk memperkasakan masyarakat untuk menangani masalah kemiskinan, iv) kapital sosial yang berasaskan hubungan sosial antara warga komuniti yang mempunyai potensi untuk mengukuhkan *social exclusionism* yang boleh melahirkan prasangka negatif kepada orang-orang luar dan boleh menghasilkan konflik, v) membangunkan rancangan model yang dicadangkan untuk mengukuhkan kapital sosial dalam mengurangkan kemiskinan dalam masyarakat nelayan miskin. Kajian ini telah dijalankan dalam komuniti nelayan di Indramayu, Indonesia yang mempunyai semua ciri-ciri yang disebutkan di atas tetapi masih mempunyai pelbagai masalah yang berkaitan dengan kemiskinan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif etnografi untuk memahami makna subjektif fenomena-fenomena sosial kehidupan seharian masyarakat nelayan tradisional

miskin di Indonesia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kapital sosial yang dominan dalam masyarakat nelayan miskin adalah kapital sosial ikatan. Kapital sosial ikatan ini adalah jenis rangkaian sosial tertutup daripada keluarga dan rakan-rakan. Rangkaian ini boleh mengeratkan hanya dalam kumpulan yang homogen sahaja. Sebaliknya, rangkaian atau rangkaian terbuka yang menghubungkan komuniti yang berbeza atau hubungan antara tahap kumpulan yang berlainan tidak dibangunkan dengan baik. Faktor utama yang menyekat masyarakat miskin untuk keluar dari masalah mereka adalah *social exclusionism*. Dapatan kajian menjelaskan bahawa, kapital sosial ikatan ini merupakan ikatan sosial yang kukuh. Tanpa kapital sosial yang menjambatani perhubungan sosial maka akan menguatkan imej stereotaip dan membina kebencian kolektif kepada orang luar. Kapital sosial ikatan tidak memberikan keperkasaan komuniti tetapi kapital sosial ini boleh membantu komuniti dalam menghadapi tekanan sosial ekonomi dan mencari strategi jangka pendek (*coping*). Pengukuran pemerksaan komuniti ini dipandu dengan menggunakan reka bentuk pengukuran yang dikembangkan oleh World Bank, iaitu kemudahan dalam memperoleh informasi yang diperlukan ketika menghadapi masalah, keterbukaan dan keterlibatan dalam pengambilan keputusan masyarakat dalam kalangan semua lapisan sosial masyarakat, serta keupayaan organisasi tempatan dalam mengelola seluruh aktiviti bersama dalam suatu kegiatan yang terjadual secara baik. Berdasarkan dapatan kajian, telah dibangunkan cadangan model yang boleh distrukturkan sebagai usaha pengurangan kemiskinan. Model ini menggabungkan empat sub program, iaitu: i) membangunkan keupayaan masyarakat, ii) meningkatkan infrastruktur fizikal, iii) mengurangkan perbelanjaan keluarga melalui penjimatan perbelanjaan pendidikan dan kesihatan, iv) pengukuhan kapital sosial terutama kapital sosial yang menjambatani.

# **SOCIAL CAPITAL AND THE EMPOWERMENT OF POOR FISHERMAN COMMUNITY IN INDRAMAYU INDONESIA**

## **ABSTRACT**

Traditional communities which have strong social fabric have the power to establish social cooperation in advancing their own community, including local economic progress. Rural communities with such characteristics, when analysed using the theory of social network developed by Putnam, can be understood as a social capital – a unity of informal values or norms which are based on a certain condition of trust, cooperation, and a series of social network. Social capital is very useful for a community in dealing with social problems or in effort to meet their needs. This research general objective is to explain why traditional fisherman community that have rich social capital and live in an environment that have a large and rich resources still live in a very poor socio-economic condition. This study was conducted in the fisherman community in Indramayu Indonesia that have all the characteristics mentioned above and also still have many problems related to poverty. The aims of the study were to describe, explain, and analyse: i) the profile of poor fisherman community, ii) social capital which grounded in social relationship between members of community, iii) social capital which grounded in social relationship between members of community have potentials to empower community for dealing with poverty problems, iv) social capital which grounded in social relationship between members of community have potentials to strengthen exclusionism that breed prejudice towards outsiders and aspiring members to produce conflict, v) develop a model to strengthen social capital in reducing poverty in the fisherman poor community. This study employed qualitative ethnography approach to understand the subjective meaning of social phenomena's of the

everyday life of the poor traditional fisherman community in Indonesia. Findings showed that dominant social capital in poor fisherman community was bonding social capital. This is the type of closed social networks of family and friends – this network cements only homogenous groups. On the other hand, open networks or network that bridge different communities or relationship between different levels of groups were not well developed. The main factor that blocked poor communities to escape from their problems was social exclusionism. Bonding social capital does not provide empowerment to community. Social capital useful in facing social and economic pressure and find only a short term strategy. Community empowerment is measured using indicator developed by World Bank, including access to information, inclusion and participation, and local organisational capacity to manage the entire activities.

Findings also found that strong bonding social capital without bridging will strengthen stereotyping and build collective aversion to outsiders. Based on the findings, a model was proposed. This proposed model was structured as a multi tracked poverty reduction. This model combined four sub programs: i) community capacity building, ii) improving physical infrastructure, iii) reducing family expenditure through lowering education and health expenditure, iv) strengthening social capital especially bridging social capital.

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Pengenalan**

Indonesia merupakan sebuah negara lautan yang memiliki keluasan 81,000 Km garis pantai dengan luas kawasan perairan mencapai 5.8 juta Km<sup>2</sup> (Sumber PBB, 1982). Keadaan geografi yang luas ini menyimpan potensi sumberdaya hidup dan bukan hidup yang kaya (Simanungkalit dalam Resosudarmo, 2002). Dari potensi lokasi lautan yang luas, tentunya masyarakat yang berada di sekitar pesisiran pantai memiliki peluang yang cukup besar dalam menggunakan dan bergantung hidup terhadap sektor lautan sebagai nelayan.

### **Latar Belakang Penyelidikan**

Jumlah nelayan yang terlibat dalam aktiviti perikanan laut di Indonesia mencapai lebih kurang 10 juta orang (BPS, 2006). Jika dianggarkan, setiap seorang nelayan tersebut menyara keluarganya yang secara purata berjumlah empat orang. Maka jumlah orang yang bergantung hidup secara langsung terhadap sektor lautan sebagai keluarga nelayan mencapai 40 juta orang. Keadaan ini menjelaskan bahawa jumlah penduduk yang hidup bergantung terhadap sektor kelautan mencapai sekitar 20 % dari jumlah penduduk Indonesia yang mencapai 228 juta penduduk (BPS, 2007). Situasi ini dapat memberi makna positif mahupun negatif.

Makna positif menunjukkan bahawa jumlah penduduk yang bekerja sebagai nelayan sangat besar. Maka, jika potensi ini dikembangkan dengan baik, akan menjadi kekuatan yang sangat berkesan dalam peningkatan pembangunan perikanan, pembangunan ekonomi, mahupun sosial. Keadaan ini juga akan berubah menjadi masalah besar jika jumlah keluarga nelayan berkenaan hidup dalam keadaan yang



sangat daif. Data menunjukkan bahawa 80 % daripada seluruh nelayan yang ada adalah nelayan tradisional miskin (Simanungkalit, dalam Resosudarmo, 2002).

Pical (2003), yang mengkaji tentang keadaan ekonomi nelayan di Indonesia menyatakan bahawa sejumlah permasalahan yang membelenggu nelayan, terutamanya nelayan tradisional adalah lemahnya pengurusan kerja, kekurangan modal (65 % nelayan tradisional tidak memiliki perahu, 35 % memiliki perahu tradisional kecil dengan mesin tambahan kecil), kesukaran dalam mendapatkan pinjaman modal, rendahnya pengetahuan pengurusan sumber daya perikanan, rendahnya penguasaan teknologi penangkapan dan pengolahan ikan, sehingga kepada kesukaran yang diwujudkan oleh sistem atau struktur yang lebih besar, iaitu negara. Negara juga telah menambah masalah ekonomi dengan menaikkan harga minyak yang menjadi penentu utama penggerakan nelayan dalam kehidupan kerjanya. Pengaksesan kredit perusahaan mikro, kecil dan menengah (UMKM) yang sukar direalisasikan akibat kadar faedah bunga bank yang tinggi, kesukaran dengan birokrasi perbankan, serta masalah lain yang saling berhubung kait, merupakan masalah berat yang dihadapi oleh para nelayan (Ismawan, 2006).

Sembilan puluh peratus keluarga nelayan hidup dalam satu komuniti perkampungan tradisional yang memiliki kriteria kehidupan sosial budaya yang cukup erat, kerjasama yang baik, serta jaringan sosial tradisional yang masih kukuh (Tony, 2004). Kriteria masyarakat perkampungan yang masih bersifat tradisional ini, memiliki ciri suatu komuniti yang memiliki budaya dan kebersamaan sosial yang tinggi, suatu perbandingan yang cukup besar. Budaya kerjasama yang tinggi dengan kesepaduan yang tinggi, hubungan sosial tidak formal yang rapat, serta kapital sosial yang tinggi yang terdapat di wilayah yang kaya dengan sumber alam semula jadi, tetapi hidup dalam kemiskinan yang sangat daif (Singgih, 2005). Penyelidikan

Singgih (2005) mengkaji keadaan nelayan miskin di pesisiran pantai Jakarta yang mengemukakan dapatan kajiannya bahawa masyarakat tradisional yang memiliki ikatan sosial yang kuat memiliki kekuatan pula untuk menjalin kerjasama sosial dalam memajukan masyarakatnya sendiri, termasuk kemajuan ekonomi tempatan. Pandangan ini juga selari dengan pandangan Bourdieu (dalam UNESCO, 2002) tentang penggunaan kapital sosial dalam pemanfaatan sumber daya alam dengan cara yang lebih efisien. Oleh yang demikian, komuniti nelayan ini seharusnya memiliki keupayaan sosial ekonomi yang tinggi. Namun realitinya menunjukkan bahawa komuniti nelayan pada umumnya masih hidup dalam keadaan miskin (Pical, 2003). Situasi sebegini dapat dilihat dengan jelas dengan kehidupan masyarakat nelayan miskin di Indramayu. Masyarakat di Indramayu memiliki ikatan sosial masyarakat yang sangat tinggi, kesepaduan yang tinggi dan kerjasama tradisional yang tinggi (Pemda Kab. Indramayu, 2005), namun masih berada dalam keadaan sosial ekonomi yang sangat daif.

Penyelidikan ini berusaha untuk memaparkan faktor yang menyebabkan komuniti yang memiliki kapital sosial yang tinggi dan kehidupan dalam persekitaran yang memiliki sumber alam semula jadi yang luas tetapi terjerat dalam keadaan sosial ekonomi yang sangat daif. Penyelidikan yang dijalankan ini berbeza dengan penyelidikan yang telah dilakukan oleh Singgih (2004), kerana selain menghuraikan kapital sosial yang ada dalam masyarakat yang memperkuatkan keupayaan ekonomi, juga menghuraikan bagaimana kapital sosial ini memiliki potensi untuk mewujudkan konflik horizontal antara kumpulan nelayan yang ada dalam masyarakat. Penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang meneroka makna subjektif kapital sosial.

Penyelidikan ini diarahkan untuk membuat suatu deskripsi subjektif kualitatif secara lengkap tentang kapital sosial yang ada dalam hubungan sosial komunitas nelayan miskin dalam menghadapi pelbagai jenis masalah yang berhubung erat dengan keadaan kemiskinan. Penyelidikan ini juga berusaha untuk memahami bagaimana hubungan antara kapital sosial yang ada dalam suatu komunitas dengan kemampuannya dalam melaksanakan fungsi sosial. Selain itu kajian ini juga akan meninjau bagaimana hubungan antara kemampuan warga komunitas dengan kapital sosial yang dimilikinya.

Ciri khusus yang membezakan penyelidikan ini dengan penyelidikan yang terdahulu ialah penerokaan mendalam tentang bagaimana kapital sosial menciptakan suatu fenomena eksklusif tersendiri yang sangat mengutamakan *in-group feelings*. Perasaan ini merupakan suatu keyakinan bahawa setiap perkara akan berpusat terhadap kumpulan sendiri. Kumpulan sendiri merupakan kumpulan yang selalu diperjuangkan dengan sedaya upaya kerana kumpulan sendiri inilah yang membantu dan membela individu dalam warganya jika mengalami rintangan atau tentangan. Kumpulan atau orang lain yang bukan bahagian dari kumpulan sendiri dianggap sebagai musuh atau harus dicurigai. Hal inilah yang membezakan penyelidikan ini dari penyelidikan lain tentang kapital sosial, terutamanya dalam menghadapi kemiskinan.

### **Ciri Khas Kabupaten Indramayu**

Masyarakat nelayan tempatan Kabupaten Indramayu merupakan masyarakat nelayan yang memiliki pelbagai jenis permasalahan yang berhubung kait dengan kemiskinan (Pemda Kab. Indramayu, 2005), seperti mana nelayan di tempat lain di pesisiran pantai Indonesia. Jumlah nelayan Indramayu mencapai 35,000 orang dan 90 % adalah nelayan sepenuh masa, iaitu nelayan yang hanya bergantung kepada

penangkapan ikan di laut sebagai sumber pendapatannya. Selebihnya adalah nelayan sambilan, iaitu nelayan yang memiliki pekerjaan lain selain menangkap ikan di laut. Pada kebiasaannya nelayan sambilan memiliki pekerjaan lain seperti petani atau peladang. Jika dianggarkan, setiap nelayan menyara empat orang termasuk dirinya, maka jumlah orang yang bergantung hidup dengan sumber pendapatan nelayan mencapai 140,000 orang yang bermakna 9 % dari jumlah penduduk yang mencapai 1,760,286 orang (BPS Kab. Indramayu, 2005).

Pada kebiasaannya kaum nelayan hidup dalam satu perkampungan nelayan yang sangat ramai penduduk dengan keadaan perumahan yang daif. Manakala 80% keluarga nelayan hidup dalam perumahan yang tidak layak dihuni, separuh kekal, pendidikan anak yang hanya setakat sekolah rendah, kanak-kanak yang bekerja, zat makanan dan kesihatan yang tidak mencukupi, kematian ibu dan anak, serta pertambahan penduduk yang tinggi (Ismawan, 2006; Resosudarmo, 2002; Jabatan Kesihatan Indramayu, 2006). Kebergantungan hidup para nelayan dengan pemilik modal atau pemilik perahu adalah sangat tinggi. Mereka memiliki hubungan "*patron client*" dengan pemilik perahu. Segala keperluan seharian para nelayan yang tidak dapat dipenuhi akan dipenuhi oleh pemilik perahu dengan cara berhutang. Hutang ini kemudiannya akan dibayar melalui hasil tangkapan ikan dengan sistem kredit (Ismawan, 2006). Maka, para nelayan selalunya memiliki hutang yang sukar atau tidak dapat dilangsaikan. Hubungan perhutangan inilah yang selalu dipertahankan oleh pemilik perahu untuk menjaga agar nelayan tidak beralih kepada pemilik perahu yang lain. Keadaan ini merupakan salah satu penyebab kemiskinan yang berterusan. Selain itu, pemilik perahu juga lebih selesa jika nelayan hidup miskin kerana para nelayan tetap akan bergantung hidup dengan pemilik perahu. Ketergantungan inilah

yang melanjutkan sistem pembahagian kerja di perkampungan nelayan miskin Kabupaten Indramayu.

Lebih daripada 75 % nelayan di Kabupaten Indramayu merupakan komuniti nelayan tradisional. Mereka tinggal di komuniti-komuniti perkampungan yang memiliki sifat-sifat sosial budaya dan kerjasama yang cukup tinggi (Pical, 2003). Kriteria masyarakat desa seperti itu, jika dianalisis menggunakan teori kapital sosial yang dikembangkan oleh Francis Fukuyama, dapat dikategorikan sebagai kapital sosial yang boleh difahami sebagai suatu kesatuan nilai-nilai informal atau norma-norma tertentu yang berlandaskan adanya kepercayaan, kerjasama dan rangkaian pertautan sosial (Fukuyama, 1997). Kapital sosial yang terutamanya berkembang dalam kesatuan-kesatuan atau unit-unit sosial ini menjadi faktor penggerak yang sangat bermanfaat bagi pelaksanaan sebuah komuniti dalam menghadapi permasalahan sosial mahupun dalam usaha memenuhi keperluannya.

Institusi sosial perkampungan nelayan Indramayu dikuasai oleh pelbagai bentuk institusi yang bersifat informal seperti:

1. Persatuan-persatuan seperti persatuan keagamaan, persatuan berasaskan kawasan kejranaan, persatuan pemuda dan anak-anak, persatuan kaum wanita dan sebagainya.
2. Persatuan nelayan yang melakukan pelbagai aktiviti seharian, seperti perbaikan perahu, pembaikan jala, pinjaman peralatan serta aktiviti sokongan lain. Persatuan ini memiliki semangat membantu diri sendiri yang sangat kuat. Persatuan ini memiliki perasaan terikat dengan kelompok sendiri yang sangat kuat. Konsep "*Awaké Dhewék*" atau "*Kelompoké Dhewék*" dalam bahasa tempatan yang bererti kumpulanku sendiri yang begitu kuat dan memandangkan orang luar sebagai kumpulan lain. Fenomena perkampungan nelayan ini

memiliki kriteria kumpulan sosial seperti yang dijelaskan oleh Fuad Hasan (2005) iaitu “kami” dan “mereka” yang merupakan media kebersamaan yang kuat terjaga dalam kalangan warga masyarakat tempatan. “kami” merupakan kata ganti untuk menunjukkan bahawa “kumpulanku” sama dengan “kita” yang mana kumpulan kita ialah pusat, kumpulan kita adalah segala-galanya. Orang di luar kumpulan kita ialah orang lain, mereka yang tidak perlu diperhatikan, mereka bukan pusat, mereka adalah kumpulan kaum tertinggal. Pemisahan inilah yang menguatkan *stereotype* kumpulan sendiri terhadap kumpulan luar. (Kaufman, 1996).

3. Aktiviti sosial seperti perbincangan hubungan antara jiran tetangga, “*gotong royong*” (*local and informal participation in societal activities*), yang biasanya terbentuk dalam kalangan kaum wanita atau para isteri dalam kegiatan seharian yang menjadi kebiasaan dan nilai tempatan. Persatuan ini biasanya berlangsung untuk membicarakan keburukan atau kelemahan orang lain di luar kumpulan mereka sendiri, yang dalam bahasa tempatan disebut “*ngerumpi*” (*exclusive groups to energise stereotyping*). Kumpulan atau persatuan seperti ini bersifat terbuka, bersifat sementara, mudah terbentuk dan cepat dibubarkan. Walaupun kumpulan ini bersifat terbuka, namun tetap memiliki perasaan terikat dalam kumpulan sendiri yang kuat (Singgih, 2004).

Nilai persaudaraan dan hubungan sosial yang menyatukan warga menjadi satu kesatuan kuat terhadap kumpulannya sendiri dalam kalangan warga masyarakat tempatan. Bentuk persaudaraan ini merupakan media untuk menentukan, menjaga, serta memperkuat identiti kumpulan/komuniti. Komuniti mahupun kumpulan-kumpulan tempatan yang terbentuk ini merupakan salah satu cara agar norma kebiasaan ini terus berterusan dan semakin kuat (Bowles & Gintis, 2000).

Pelbagai bentuk institusi sosial tidak rasmi di perkampungan nelayan ini dapat dilihat dalam dua perspektif sekali gus, iaitu perspektif positif mahupun negatif. Secara positif, institusi sosial ini dapat dilihat sebagai :

1. Kewujudan nyata dari kapital sosial yang memuatkan rasa saling percaya, norma dan jaringan sosial. Kapital sosial ini sesuai dengan apa yang dijelaskan oleh Putnam (dalam Durlauf, 2000). Kapital sosial "*bonding*" dilihat cukup kuat dalam kalangan masyarakat perkampungan nelayan (Singgih, 2004). Jika hal ini digunakan sebagai sumber sosial informal, maka akan memudahkan perkembangan masyarakat tempatan.
2. Suatu media yang dapat digunakan untuk memberikan rasa tenang dan selesa bagi masyarakat tempatan. Institusi ini menjadi faktor penggerak dalam kerjasama antara warga.

### **Kedudukan Kapital Sosial dalam Membasmi Kemiskinan**

Pertemuan peringkat tinggi tentang pembangunan sosial yang diselenggarakan di Copenhagen pada bulan March tahun 1995 menekankan tiga agenda besar yang menjadi inti pati dalam pembangunan sosial. Inti patinya adalah untuk membasmi kemiskinan, peningkatan peluang pekerjaan secara sepenuhnya serta pemulihan dan peningkatan integrasi sosial (United Nations, 1995). Pelbagai isu yang muncul berkaitan dengan fokus pembangunan sosial ini, baik sebelum, kini, serta setelah pertemuan peringkat tinggi itu. Kapital sosial merupakan salah satu topik perdebatan yang cukup terkenal dalam konteks pembangunan sosial, khususnya dalam membasmi kemiskinan. Pertemuan lanjutan yang dilakukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) menegaskan bahawa pelaburan kapital sosial merupakan elemen utama dalam membasmi kemiskinan terutamanya di negara-negara membangun. Beberapa organisasi dunia yang memasukkan kapital

sosial dalam program pembasmian kemiskinan adalah *World Bank, Asia Development Bank (ADB), Ford Foundation, Asia Foundation, International Social Science Program (ISSC), Comparative Research Program on Poverty (CROP), Management of Social Transformation Program (MOST)*, dan sebagainya. Setiap organisasi ini menyelaraskan pelbagai pengembangan konseptual praktis mahupun perancangan pelbagai program bagi memperkuat kapital sosial dalam membasmi kemiskinan.

Oyen (2002) menyatakan bahawa kapital sosial yang berhubung kait dengan rangkaian pertautan sosial dalam sebuah komuniti menjadi satu faktor penting yang harus diperkuatkan untuk mengatasi kemiskinan. Oyen menyatakan bahawa salah satu faktor penghalang utama bagi kumpulan miskin untuk keluar dari kemiskinannya adalah persoalan jaringan eksklusif (kumpulan miskin sukar masuk dalam jaringan kumpulan bukan miskin). Kumpulan miskin tidak akan keluar dari masalahnya jika mereka gagal dalam menyesuaikan diri dengan norma-norma kumpulan bukan miskin yang mendominasi struktur masyarakat.

Hubungan antara negara dengan masyarakat awam ini juga dikemukakan oleh beberapa sarjana, seperti Prakash (2002) yang mengkaji hubungan antara pelaku dalam masyarakat awam dengan polisi negara. Manakala Innerarity (2002) menggariskan peranan yang harus dilakukan dalam hubungan antara organisasi tempatan dalam masyarakat awam dengan negara. Beliau menyatakan bahawa, organisasi tempatan merupakan rakan kongsi yang tidak boleh dipisahkan dalam perang terhadap kemiskinan. Berbeza dengan Oyen (2002), serta Prakash (2002) beliau mengkaji kapital sosial pada peringkat menengah atau pada peringkat kumpulan-kumpulan dalam komuniti. Oliveira (2002) dan Innerarity (2002) lebih



mengkaji kapital sosial pada peringkat makro, yaitu dialog dan komunikasi antara negara dengan masyarakat awam.

Hubungan lebih dari dua komponen dalam masyarakat ini dikemukakan oleh Woolcock (2002) yang mengkaji kerjasama antara negara, pasar dan masyarakat awam sebagai prasyarat utama dalam pengurangan kemiskinan. Inti pati dari semua pendapat berkenaan adalah penglibatan pelaku dari setiap komponen. Kemiskinan selalu dihubungkan dengan ketiadaan atau kelemahan hubungan antara faktor, baik pada peringkat rumah tangga, kumpulan, organisasi, mahupun institusi tempatan dengan komponen lain seperti pasar, institusi perniagaan, mahupun kumpulan lain yang memiliki kriteria yang berbeza akan tetapi mendominasi struktur kekuasaan.

Intervensi secara berstruktur terhadap rantai perhubungan dari pelbagai komponen ini dapat diklasifikasikan sebagai strategi program untuk melawan kemiskinan. Strategi inilah yang kemudian dikembangkan oleh pelbagai negara dengan pelbagai perubahan dalam beberapa perkara. Indonesia mengembangkan strategi pembasmian kemiskinan secara separa, (Bapenas, 2005), yang menekankan hubungan antara pasaran, perniagaan, serta organisasi tempatan. Strategi ini dilakukan dengan kawalan penuh oleh kerajaan pusat. Kekurangan utama yang ada dalam strategi ini adalah kurang penekanan terhadap penglibatan komuniti tempatan secara sepenuhnya. Kapital sosial yang ada dalam institusi-institusi tempatan dibiarkan tanpa pengembangan lebih lanjut (Itriawan, tanpa tahun). Perancangan tempatan yang terdapat dalam program pembasmian kemiskinan di Indonesia hanya terbatas kepada pemerintah peringkat kabupaten, tanpa melibatkan organisasi tempatan peringkat desa atau kampung (Semedi, 2002).

## **Kerja Sosial dan Pengembangan Masyarakat**

Dari perspektif kerja sosial, *community development* atau pengembangan masyarakat merupakan bidang praktik kerja sosial yang memfokuskan kepada intervensi pada peringkat komuniti (Quieta, 2007). Pelbagai istilah digunakan untuk menggambarkan praktik kerja sosial dengan komuniti ini. Netting (2004) menyebut bahawa praktis makro dalam kerja sosial, bertujuan untuk menggambarkan salah satu bidang praktik kerja sosial pada peringkat makro. Netting (2004) mendefinisikan sebagai suatu bentuk intervensi kerja sosial yang diarahkan pada peringkat individu, keluarga dan kumpulan kecil, termasuk di dalamnya adalah intervensi pada peringkat polisi sosial. Manakala kajian Quieta (2007) tidak melakukan pemisahan di peringkat klien tidak dilakukan kerana pengembangan masyarakat merupakan suatu proses untuk memperkuat serta membangunkan keupayaan keluarga mahupun institusi sosial antara institusi kejiwaan dalam mencegah, mengurangkan serta menghalang ancaman dari ketidakseimbangan individu, penyingkiran sosial, ketidakseimbangan ekonomi, politik, mahupun sosial. Pandangan Bartle (tanpa tahun) tentang kerja sosial yang berlandaskan komuniti, hampir sama dengan apa yang dijelaskan oleh Netting. Bartle menjelaskan bahawa kerja sosial bekerja untuk kesejahteraan individu, dengan menggunakan pendekatan atau strategi masyarakat. Kerja sosial dengan pendekatan masyarakat ini bukan suatu pengkhususan kerja sosial, melainkan hanyalah sebuah strategi dalam bekerja.

Para praktis yang lebih mengutamakan praktik langsung berpendapat bahawa semua pandangan tentang pengembangan masyarakat hanyalah suatu penerangan teoretikal belaka. Teori tidak akan mungkin mampu menjelaskan tentang praktik, kerana teori hanya mampu menggambarkan praktik daripada luaran/jauh. Bagi mereka, kemajuan suatu komuniti hanya dapat digambarkan oleh mereka yang

benar-benar berinteraksi secara langsung dengan komunitas berkenaan. Kaum praktis seperti ini memiliki falsafah “bekerjalah berdasarkan apa yang kamu ketahui (Cox, Erlich, Rothman, & Tropman, 1977). Oleh yang demikian, praktik pengembangan masyarakat di Indonesia mungkin kurang berlandaskan dengan teori secara baik.

Sejajar dengan kepelbagaian komunitas sebagai sasaran perubahannya, kepelbagaian situasi yang dihadapi dari satu masyarakat dengan masyarakat lainnya, dari masa ke semasa serta sehalu dengan perubahan yang berterusan dari situasi jumlahnya. Maka pengembangan masyarakat telah menjadi proses yang sangat dinamik. Tujuan yang ditetapkan serta keadaan yang dihadapi oleh para praktis pengembangan masyarakat memerlukan pengembangan secara berterusan atas teori yang ada dan sesuai dengan situasi yang dihadapi. Proses ini berlangsung terus menerus tanpa berhenti. Taktik yang digunakan adalah taktik eklektik selektif (Payne, 2005) sesuai dengan tuntutan penerapan amalan pengembangan masyarakat, teori pengembangan masyarakat selalu bergerak, akhirnya membawa kesan kepada perkembangan definisi mahupun landasan teori yang dirumuskan. Walaupun demikian, aktiviti mental dan rekonstruksi teori yang terus berkembang ini tidak dilakukan secara sembarangan. Proses ini berkisar serta terikat pada inti pati definisi mahupun cadangan yang berkaitan secara logik. Inti pati inilah yang menjadi penentu arah bagi pelbagai kontroversi mahupun elemen-elemen yang selalu berubah dan berkembang. Berikut ini adalah konsep utama serta kriteria utama yang menjadi paksi bagi pengembangan masyarakat.

Ada beberapa kriteria utama yang diakui oleh para sarjana pengembangan komunitas yang dapat dijadikan penentu perbezaan dari aktiviti kemasyarakatan lainnya (Murphy, 2000):

1. Memfokuskan pada suatu unit yang disebut komunitas atau masyarakat.

2. Selalu berusaha untuk melakukan perubahan tanpa mengorbankan stabiliti sosial mahupun struktural, atau melakukan perubahan tanpa menimbulkan kekacauan sosial mahupun struktural.
3. Selalu memanfaatkan pekerja sosial profesional. Hal ini tidak bererti membelakangkan warga komuniti sebagai subjek, melainkan usaha keberterusan perubahan sesuai dengan prinsip pemeraksanaan.
4. Menjalinkan kerjasama dengan kekuatan-kekuatan tempatan, institusi-institusi, organisasi, mahupun institusi tempatan, demikian pula dengan kekuatan-kekuatan luar.
5. Mengarah pada demokrasi sepenuhnya bagi pengambilan keputusan-keputusan awam.
6. Berlandaskan pada pendekatan yang menyeluruh.

Secara operasi, Quieta (2007) menjelaskan bahawa pengembangan masyarakat merupakan suatu usaha yang dilakukan untuk membangunkan kapasiti dan keupayaan warga masyarakat dalam memenuhi keperluan dasarnya. Pendapat ini menunjukkan bahawa pengembangan masyarakat dalam kerja sosial bertujuan untuk meningkatkan keupayaan warga masyarakat agar hidup dengan lebih baik melalui memenuhi keperluan makanan dan zat makanan yang cukup, kesihatan yang baik, perumahan, air bersih, serta pakaian yang mencukupi. Selain daripada itu, perkhidmatan untuk memperoleh keamanan, mendapat pekerjaan dan penghasilan. Praktik-praktik pengembangan institusi tempatan serta kebajikan sosial juga menjadi inti pati kegiatan pengembangan masyarakat. Polisi sosial ini tidaklah diarahkan kepada komuniti tempatan sahaja, juga lebih bersifat luas dan menyeluruh dengan seluruh warga masyarakat pada peringkat negara atau kawasan. Sebagai tambahan, proses-proses yang muncul dan berkembang dalam masyarakat juga menjadi fokus

perhatian pekerja sosial dalam pengembangan masyarakat. Proses-proses ini biasanya disebut sebagai kearifan tempatan, mahupun proses-proses tempatan sebagai lanjutan daripada proses interaksi sosial warga.

Kemiskinan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh kerja sosial (Quieta, 2007), sama seperti yang dikemukakan oleh Suharto (2007) yang mengatakan bahawa pemerksaan masyarakat miskin merupakan isu utama dalam kerja sosial di Indonesia dan juga di dunia. Kemiskinan merupakan masalah utama yang melahirkan pelbagai masalah sosial yang lain, seperti pendidikan, kesihatan dan pemakanan yang tidak sihat, kematian ibu dan anak, pekerja kanak-kanak, hingga perdagangan manusia. Oleh yang demikian, dijangkakan bahawa, jika kemiskinan dapat diatasi dengan baik, maka masalah sosial yang lain juga akan berkurangan. Pengurangan atau pembasmian kemiskinan dalam perspektif kerja sosial harus dilakukan dengan memanfaatkan kapital sosial dalam masyarakat (Murphy, 2000). Kapital sosial ini wujud dalam kumpulan akar umbi dalam komuniti mahupun perkumpulan dan persaudaraan antara warga perkampungan yang mana pengembangan masyarakat akan dimulakan. Kumpulan-kumpulan tempatan ini mengandungi keseluruhan komponen yang diperlukan dalam bekerjasama, iaitu rasa saling percaya, perhubungan antara warga masyarakat serta semangat untuk bekerja bersama.

Sebahagian besar keuntungan yang dijelaskan dalam literatur adalah secara umumnya dan masih belum dikaji secara empirikal. Kesemua ini hanya merupakan ramalan atau perhitungan teoretikal yang berdasarkan pada konsep-konsep. Salah satu perbezaan adalah dalam masyarakat perkampungan kecil di Indonesia. Perkampungan-perkampungan ini memiliki kriteria komuniti tradisional yang masih mempertahankan semangat persaudaraan serta kerjasama yang tinggi antara

warganya serta memiliki hubungan kapital sosial yang erat. Maka, seharusnya perkampungan-perkampungan kecil ini memiliki kemampuan serta ketahanan sosial yang tinggi, namun mengapa kebanyakan mereka masih menderita dalam kemiskinan yang sangat daif? Oyen (2002) menjelaskan masalah ini melalui penjelasan tentang semangat eksklusif yang merupakan kelemahan utama kapital sosial yang dimiliki oleh kaum miskin. Kapital sosial yang ada hanya bersifat “*bonding*” yang kuat tanpa kapital sosial “*bridging*”. Manakala Singgih (2005) menjelaskan bahwa kapital sosial merupakan suatu daya penggerak yang kuat yang belum terarah kepada keperkasaan. Maka, kekuatan ini tetap memerlukan hala tuju yang harus dirancang dengan baik. Gerak arah pemanfaatan harus tetap dikendalikan agar mencapai tujuan yang diharapkan. Pendapat Singgih ini selari dengan pendapat Portes (1996) bahwa kapital sosial juga memiliki paksi buruk dan paksi baik sekaligus. Jika paksi buruk ini tidak diubah atau diberi perlakuan secara baik, maka kapital sosial ini tidak akan mencapai sasaran secara baik.

### **Pernyataan Masalah Penyelidikan**

Latar belakang penyelidikan ini menjelaskan pelbagai masalah yang dihadapi oleh para nelayan miskin di Indramayu. Perspektif kerja sosial sangat mendorong untuk memanfaatkan kapital sosial yang menjadi salah satu kekuatan utama dalam melakukan pemerikasaan masyarakat (Murphy, 2000). Kapital sosial terdiri dari beberapa komponen penting iaitu rasa saling percaya, norma serta kebiasaan, rangkaian pertautan sosial, serta kerjasama antara warga perkampungan yang menjadi penggerak utama pemerikasaan masyarakat. Komponen penting dalam kapital sosial yang menjadi ciri utama dalam sebuah komuniti yang berperanan sebagai penggerak utama pemerikasaan masyarakat ini belum dimanfaatkan secara optimal di Indonesia (Bappenas, 2005). Akibat yang ditimbulkan dalam situasi ini

adalah proses-proses pemerksaan masyarakat dalam membasmi kemiskinan perkampungan nelayan belum mampu membebaskan masyarakat dari belenggu masalah kemiskinan yang dihadapi.

Masyarakat perkampungan nelayan tempatan di Kabupaten Indramayu menghadapi pelbagai jenis permasalahan yang merupakan kesan lanjutan dari kemiskinan. Populasi nelayan Indramayu yang begitu besar, mencapai 35,000 orang dan 90 % di antaranya adalah nelayan sepenuh masa, iaitu nelayan yang bergantung sepenuhnya pada penangkapan ikan di laut. Jumlah populasi nelayan berkenaan merupakan ketua keluarga yang rata-rata memiliki empat warga keluarga. Maka jumlah orang yang bergantung hidup dengan kehidupan nelayan mencapai 140,000 orang yang merupakan jumlah yang begitu besar.

Keluarga nelayan hidup dalam perkampungan yang sangat padat penduduk dengan keadaan perumahan yang daif. 80 % keluarga nelayan hidup dalam perumahan yang tidak layak dihuni dan separuh kekal. Masalah ini masih ditambah dengan permasalahan lain seperti, pendidikan warga keluarga yang sangat rendah, pekerja kanak-kanak, zat pemakanan dan kesihatan yang buruk, kematian ibu dan anak yang tinggi, serta pertambahan penduduk yang tidak dapat ditangani. Nelayan amat sukar untuk keluar dari permasalahan yang membelenggu kerana mereka hidup tanpa memiliki modal kerja yang cukup. Mereka hidup bergantung kepada pemilik modal atau pemilik perahu. Mereka memiliki hubungan *patron client* dengan pemilik perahu yang mengikat warganya dengan pemberian hutang. Hutang yang banyak dengan pemilik perahu mengakibatkan nelayan tidak memiliki kuasa untuk menentukan harga jualan ikan. Harga jualan ikan sepenuhnya dikendalikan oleh tauke pemilik perahu yang memberikan keuntungan yang sangat rendah kepada

nelayan. Oleh yang demikian, nelayan selalu memiliki hutang yang tidak dapat dilangsaikan.

Keadaan ini merupakan salah satu penyebab utama kemiskinan yang berterusan. Pemilik perahu akan lebih senang jika nelayan tetap miskin, dengan demikian mereka sentiasa bergantung pada pemilik perahu. Kebergantungan inilah yang menjalankan sistem pembahagian kerja di perkampungan nelayan miskin Kabupaten Indramayu.

Kapital sosial yang dimiliki oleh masyarakat di perkampungan nelayan merupakan kapital sosial yang lebih cenderung sebagai kapital sosial "*bonding*" yang mengeratkan hubungan antara penduduk, akan tetapi tidak memperkembangkan hubungan kerjasama antara kumpulan yang memiliki peringkat sosial ekonomi yang lebih tinggi. Oyen (2002) menyatakan bahawa keadaan seperti ini merupakan suatu kriteria masyarakat miskin yang tidak memperkembangkan hubungan dengan kumpulan kaya. Putnam (1993) menjelaskan bahawa walaupun kapital sosial dapat meningkatkan kecekapan masyarakat dalam melakukan pemerksaan sosial terhadap dirinya sendiri, kapital sosial "*bonding*" memudahkan munculnya *exclusivism* yang mudah digerakkan menjadi konflik antara kumpulan (Coleman, Portes, Tirole, dalam Brown, 2000).

Berdasarkan latar belakang penyelidikan berkenaan, maka penyelidikan yang berkaitan dengan hubungan dan interaksi sosial yang berlandaskan pada kerjasama serta saling percaya adalah penting untuk dijalankan. Masalah kemasukan terhadap modal ekonomi, kemasukan terhadap teknologi, permasalahan tingginya kos-kos yang harus dikeluarkan untuk berlayar, dan sebagainya, menjadi fokus utama penyelidikan. Juga dikaitkan dengan kapital sosial yang dimiliki oleh masyarakat tempatan. Penyelidikan ini tidak hanya terbatas pada penjelasan tentang kapital sosial



yang ada di antara warga, tetapi juga berusaha menjelaskan konteks nyata situasi yang ada dalam masyarakat perkampungan nelayan miskin. Tanpa konteks ini, maka penyelidikan ini hanya merupakan perluasan teori tentang kapital sosial tanpa manfaat praktis dalam pengembangan masyarakat.

Beberapa penyelidikan mengenai kapital sosial, terutamanya yang berkaitan dengan kemiskinan nelayan tempatan telah dilakukan, seperti penyelidikan mengenai modal sosial di pantai Jakarta (Singgih, 2004), yang menghurai dan menganalisis kapital sosial dalam konteks secara terpisah-pisah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif positifiti. Roman dan Moore (dalam Durlauf, 2004) juga menyelidik mengenai kapital sosial yang dikaitkan dengan keupayaan institusi sosial tempatan. Favourita, Rustanto, dan Widiowati (2007) juga menyelidik mengenai kapital sosial dalam kalangan masyarakat miskin di Jakarta. Penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan alat pengukuran yang mencapai tahap piawai tinggi seperti mana yang dikembangkan oleh World Bank dengan nama *inquisoc*. Beberapa penyelidikan ini memiliki keterbatasan dalam memahami konteks nyata yang wujud dan berkembang dalam masyarakat yang tidak dapat dideskripsikan dan dihuraikan melalui pendekatan kuantitatif. Keadaan inilah yang menjadikan penyelidikan kualitatif menonjolkan konteks yang perlu dijalankan. Selain itu, teknik pengumpulan data tambahan yang berupa diagram *venn* serta *Methodology of Participatory Assessment* akan membantu dalam menganalisis konteks jaringan sosial dalam masyarakat. Secara rinci, pengkhususan penyelidikan ini dihuraikan dalam pembahasan mengenai kekhususan penyelidikan mengenai kapital sosial pada Bab II mengenai sorotan literatur.

Berdasarkan fakta yang telah dinyatakan di atas, maka penyelidikan ini akan mengkaji masalah bagaimana kapital sosial yang ada dalam masyarakat

perkampungan nelayan miskin Indramayu dapat memperkuat kemampuan dalam mengatasi kemiskinannya. Selain itu, penyelidikan ini juga akan mengkaji apakah penyelesaian yang harus dilakukan untuk menguatkan kapital sosial „*bridging*” yang seharusnya dapat mencegah munculnya *social exclusion* yang mendorong konflik antara kumpulan tempatan. Kapital sosial *bridging* ini membantu nelayan miskin dalam mengembangkan rangkaian pertautan sosial dengan kumpulan tidak miskin yang menjadi penentu keberkesanan pemerikasaan yang dilakukan.

### **Persoalan Penyelidikan**

Masalah penyelidikan dikumpulkan dalam bentuk persoalan penyelidikan seperti berikut :

- A. Bagaimana profil kehidupan sosial perkampungan nelayan miskin di Kabupaten Indramayu ?
- B. Bagaimana kapital sosial yang terbentuk dalam hubungan sosial antara warga/warga komuniti nelayan ?
- C. Bagaimana kapital sosial yang terbentuk memperkuat keperkasaan sosial ekonomi warga/warga komuniti nelayan dalam menghadapi masalah kemiskinannya ?
- D. Bagaimana kapital sosial yang terbentuk dalam kumpulan sendiri memperkuat *exclusivism* kumpulan yang dapat menimbulkan prasangka terhadap kumpulan luar bermasalah dan terjadi konflik ?

### **Objektif Penyelidikan**

Penyelidikan ini bertujuan untuk:

- A. Mendeskripsikan secara mendalam mengenai keadaan komuniti di perkampungan nelayan miskin Kabupaten Indramayu.


- B. Menganalisis secara mendalam mengenai kapital sosial yang terbentuk dalam hubungan sosial antara warga komunitas nelayan.
- C. Menganalisis secara mendalam mengenai kapital sosial yang terbentuk berpotensi memperkuat keperkasaan sosial ekonomi warga komunitas nelayan dalam menghadapi masalah kemiskinannya.
- D. Menganalisis secara mendalam mengenai kapital sosial yang terbentuk dalam kumpulan sendiri yang memperkuat *exclusivism* kumpulan yang dapat menimbulkan prasangka terhadap kumpulan luar sehingga mudah terjadi konflik.
- E. Mencadangkan model penyelesaian yang dapat diambil untuk memperkuat kapital sosial dalam pembasmian kemiskinan di perkampungan nelayan.

### **Keuntungan Penyelidikan dalam Kerja Sosial**

Kapital sosial atau keupayaan sosial yang berperanan sebagai nadi kerja sosial dalam melakukan pembangunan masyarakat. Jika warga masyarakat yang menjadi sasaran perubahan kerja sosial tidak dapat terlibat secara sepenuhnya dalam perancangan komuniti dan bekerjasama secara *inclusive* dalam institusi kapital sosial, maka keberhasilan usaha pembangunan masyarakat juga akan terbantut (Hardcastle, 2004). Penyelidikan ini diarahkan untuk membuat deskripsi lengkap mengenai kapital sosial yang ada dalam suatu masyarakat yang dapat dilihat sebagai aset komuniti dan berguna sebagai kekuatan penggerak pembangunan masyarakat yang dilakukan oleh pekerja sosial (Hardcastle, 2004). Pandangan ini mengutamakan pendekatan pemecahan masalah melalui pengembangan aset, bukan melalui penularan akar masalah yang menjadi penyebab munculnya masalah. Pendekatan pengembangan masyarakat dengan berasaskan aset ini sangat relevan dengan kapital sosial komuniti. Penyelidikan tentang kapital sosial dalam komuniti ini berupaya

untuk mendeskripsikan salah satu aset yang dimiliki oleh komunitas, dan aset ini adalah kapital sosial.


Praktik kerja sosial masyarakat merupakan suatu seni, berlandaskan pada pengalaman langsung, berakar dalam pengalaman kehidupan komunitas, diasaskan oleh teori, diasah oleh penyelidikan ilmiah, serta dilaksanakan melalui pertimbangan-pertimbangan normatif (Phillips, 2009). Kehidupan sosial komunitas yang berupa keeratan hubungan warga komunitas, perasaan saling percaya antara warga dalam komunitas, pemberian sokongan sosial dan emosional, merupakan kapital sosial yang berada dalam pengalaman nyata kehidupan sosial warga komunitas. Hal ini bermakna, kapital sosial yang berasal dari pengalaman nyata warga komunitas ini harus diungkapkan dan diperkuat sedemikian rupa agar menjadi aset yang sangat berharga dalam praktik kerja sosial. Secara jelas, Phillips (2009) menjelaskan bahawa kerja sosial dalam pengembangan komunitas adalah pengembangan keupayaan warga komunitas untuk bertindak mengatasi masalah yang dihadapinya, Kemampuan bertindak ini sangat ditentukan oleh kapital sosial masyarakat. Secara skema dapat digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Peranan pekerja sosial dalam pembangunan komunitas

Sifat-sifat dasar dalam pengembangan masyarakat mencakupi tiga komponen utama iaitu sifat-sifat komunitas, sifat-sifat proses dan sifat-sifat pekerja sosial (Phillips, 2009). Sifat-sifat komunitas yang meliputi kapasiti sosial, emosional,

geografi serta kapital sosial. Sifat-sifat proses meliputi penyertaan, kemampuan warga komuniti dalam berperanan serta dalam proses kerja. Sifat-sifat pekerja sosial adalah keupayaan pekerja sosial untuk menggerakkan warga dalam melakukan tindakan menuju perubahan sosial. Secara skema dapat digambarkan pada Rajah 2. Ketiga sifat-sifat ini harus ada dalam suatu tindakan yang utuh, tidak terpisah secara separa. Jika salah satu sifat kurang berkembang, maka keseluruhan sistem akan terbantut.



Rajah 2. Sifat-sifat dasar dalam pengembangan masyarakat

Satu pemahaman yang positif perlu ada terhadap kerja sosial bahawa tidak ada suatu sistem dalam kerja sosial masyarakat yang menjamin 100 % keberhasilan sistem yang dilakukan. Pencapaian yang diperoleh adalah, jika semua komponen yang menjadi sifat-sifat dasar telah dipenuhi, maka peluang untuk mencapai keberhasilan sistem juga menjadi semakin kuat. Berlandaskan pada sintesis dari penyelidikan ini, sangat relevan jika pekerja sosial memiliki jangkauan semakin kuat komuniti memiliki keterlibatan secara penuh pada sistem perubahan. Maka semakin tinggi pula peluang sistem untuk berjaya menjalankan proses perubahan sosial. Kapital sosial dapat dipandang sebagai jaringan sosial atau perhubungan sosial yang berperanan sebagai infrastruktur bagi pengembangan masyarakat (Hardcastle, 2004).

Penyelidikan ini diharapkan dapat memberi manfaat, baik dalam peringkat teoretikal mahupun praktikal. Dalam peringkat teoretikal, penyelidikan ini dapat memberikan sumbangan pemikiran bagi perkembangan ilmu-ilmu sosial yang mengkaji tingkah laku dalam hubungan sosial secara umumnya. Selain itu pengembangan teori mahupun konsep-konsep penting dalam kerja sosial yang sangat berguna ketika bekerja dengan masyarakat pada khususnya, terutamanya teori yang berkaitan dengan kapital sosial serta keperkasaan sosial ekonomi komuniti.

Dalam peringkat praktikal, penyelidikan ini dapat memberikan gagasan-gagasan baru secara mendalam tentang kapital sosial serta kaitannya dengan keperkasaan sosial ekonomi suatu komuniti. Hal ini dapat dijadikan sebagai landasan konseptual mahupun empirikal dalam penyusunan kebijakan tentang pemerdayaan sosial ekonomi suatu komuniti, khususnya komuniti nelayan.

Masih dalam peringkat praktikal, penyelidikan tentang kapital sosial ini dilanjutkan dengan membina suatu bentuk cadangan operasi yang berfungsi sebagai penyelesaian masalah yang ditemui dalam penyelidikan ini. Penyelesaian ini diarahkan pada penyusunan rancangan untuk meningkatkan kapital sosial dalam program pengurangan kemiskinan di perkampungan nelayan dengan meminimumkan kewujudan *exclusivism* yang mendorong konflik antara kumpulan yang ada dalam masyarakat.

### **Struktur Penulisan**

Penyelidikan ini disusun dalam beberapa bab yang meliputi : Bab I terbahagi kepada bahagian pendahuluan. Bahagian pendahuluan, mengandungi segala aspek yang berkaitan dengan latar belakang penyelidikan dengan menghuraikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh kaum nelayan miskin di perkampungan. Selain itu turut dihuraikan pelbagai pendapat yang menyokong kepentingan kapital sosial dalam

pembasmian kemiskinan, terutamanya di dalam komuniti kecil, masih rendahnya penggunaan kapital sosial dalam pembasmian kemiskinan di Desa Majakerta Indramayu Indonesia. Bahagian ini diteruskan dengan pernyataan masalah, persoalan penyelidikan, objektif penyelidikan, kepentingan penyelidikan, serta susunan penyelidikan.

Bab II berkaitan dengan sorotan literatur yang membahaskan tentang literatur-literatur yang berkenaan dengan kapital sosial dan pembasmian kemiskinan, faktor-faktor hubungan yang berpengaruh terhadap pemeraksanaan komuniti, mengapa kapital sosial berkaitan dengan keupayaan masyarakat, posisi kerja sosial dalam pembasmian kemiskinan serta peranan pekerja sosial dalam pengembangan masyarakat. Bab ini juga membahaskan sorotan literatur tentang aspek negatif kapital sosial yang mendorong terjadinya konflik antara kumpulan masyarakat dalam perkampungan kecil.

Bab III adalah berkaitan kerangka teoretikal yang membahas tentang kerangka pemikiran yang dibentuk dari teori-teori dan tinjauan teoretikal yang relevan dengan topik penyelidikan. Kerangka teoretikal ini mendasari pengkajian utama terhadap pelbagai faktor yang dikaji. Dengan kata lain, bab ini berdasarkan pada pemahaman secara lengkap tentang persoalan penyelidikan serta kaedah penyelidikan yang digunakan. Hubungan kait antara bab juga digambarkan dengan jelas pada bab ini.

Bab IV Kaedah Penyelidikan yang menggambarkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam proses penyelidikan, yang meliputi kaedah penyelidikan, deskripsi tempat, instrumen penyelidikan, prosedur dan teknik pengumpulan data, pengolahan data serta analisis data.

Bab V Penemuan Penyelidikan yang menggambarkan hasil penyelidikan